

D.R. 9/98

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

be rnama

Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman
1964.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1998. Tajuk ringkas.

2. Akta Mahkamah Kehakiman 1964, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 3 dengan menggantikan takrif "decision" dengan takrif yang berikut: Pindaan seksyen 3. Akta 91.

"decision" means judgment, sentence or order, but does not include any ruling made in the course of a trial or hearing of any cause or matter which does not finally dispose of the rights of the parties;'

3. Subseksyen 10(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "the Yang di-Pertuan Agong" perkataan "on the recommendation of the Chief Justice". Pindaan seksyen 10.

Pindaan
seksyen 42.

4. Seksyen 42 Akta ibu adalah dipinda—
- (a) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan ", if the parties consent,"; dan
 - (b) dengan memotong subseksyen (3).

Pindaan
seksyen 44.

5. Seksyen 44 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Every order made under subsection (1) may, upon application by the aggrieved party made within ten days after the order is served, be affirmed, varied or discharged by the Court."

Pindaan
seksyen 78.

6. Seksyen 78 Akta ibu adalah dipinda—
- (a) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan ", if the parties consent,"; dan
 - (b) dengan memotong subseksyen (3).

Pindaan
seksyen 80.

7. Seksyen 80 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Every order made under subsection (1) may, upon application by the aggrieved party made within ten days after the order is served, be affirmed, varied or discharged by the Court."

Pindaan
seksyen 96.

8. (1) Seksyen 96 Akta ibu adalah dipinda—
- (a) dengan memotong perkataan "granted in accordance with section 97"; dan
 - (b) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan "; and" dengan perkataan "involving a question of general principle decided for the first time or a question of importance upon which further argument and a decision of the Pederal Court would be to public advantage; or".

(2) Pindaan dalam subseksyen (1) adalah terpakai bagi apa-apa permohonan bagi kebenaran untuk merayu yang masih belum selesai di Mahkamah Persekutuan.

(3) Pindaan dalam subseksyen (1) tidaklah menyentuh apa-apa perintah yang dibuat sebelum ini oleh Mahkamah Persekutuan berkenaan dengan apa-apa permohonan bagi kebenaran untuk merayu dan tiada perintah sedemikian boleh dibatalkan.

9. Seksyen 97 Akta ibu adalah dipinda dengan Pindaan seksyen 97. memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Notwithstanding section 74, an application for leave to appeal to the Federal Court may be heard by a Judge of the Court, and any direction or order that could be given or made by the Court on such application may be given or made by such Judge.

(4) Any direction or order given or made under subsection (3) may, upon application by the aggrieved party made within ten days after the direction or order is given or made, be affirmed, varied or discharged by the Court."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ("Akta 91").

2. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 91.

Pada masa ini, semasa mendengar kes, jika mahkamah membuat keputusan tentang kebolehterimaan apa-apa keterangan atau dokumen, pihak yang tidak berpuas hati boleh memfailkan rayuan. Jika rayuan sedemikian difailkan, mahkamah terpaksa memberhentikan pendengaran kes itu sementara menanti keputusan rayuan itu oleh mahkamah atasan. Ini menyebabkan pendengaran itu lambat selesai, lebih-lebih lagi apabila rayuan difailkan terhadap tiap-tiap keputusan yang dibuat oleh mahkamah bicara. Pindaan ini dicadangkan untuk membantu mempercepat pendengaran kes di mahkamah bicara.

3. *Pasal 3* bertujuan untuk meminda subseksyen 10(1) Akta 91.

Pelantikan pegawai sebagai Ketua Pendaftar, Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Kanan Pendaftar dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong. Pada masa ini pelantikan dibuat atas syor Ketua Hakim Negara walaupun tiada peruntukan nyata dalam undang-undang bagi syor itu. Pindaan ini dicadangkan untuk memastikan bahawa ada peruntukan nyata dalam subseksyen 10(1) tentang syor itu.

4. *Fasal 4* dan *6* bertujuan untuk meminda seksyen 42 dan 78 Akta 91.

Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan masing-masing bersidang dengan tiga orang Hakim. Jika suatu penghakiman tertangguh sudah ditulis tetapi, oleh sebab sakit atau selainnya, salah seorang Hakim tidak dapat bersidang, penghakiman tidak dapat diberikan tanpa persetujuan kedua-dua pihak kepada rayuan itu. Rayuan itu akan terpaksa didengar semula dan ini bermakna bahawa lebih banyak belanja akan dikeluarkan dan keputusan kes akan lambat diperoleh. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya perkataan "if the parties consent" dalam seksyen 42 (berkenaan dengan Mahkamah Rayuan) dan seksyen 78 (berkenaan dengan Mahkamah Persekutuan) dikeluarkan supaya pendengaran dapat diselesaikan tanpa kelengahan.

5. *Fasal 5* dan *7* bertujuan untuk meminda seksyen 44 dan 80 Akta 91.

Pindaan ini adalah dicadangkan untuk memastikan bahawa sesuatu permohonan kepada suatu panel tiga orang Hakim Mahkamah Rayuan (dalam hal pindaan kepada seksyen 44) atau Mahkamah Persekutuan (dalam hal pindaan kepada seksyen 80) bagi kajian semula sesuatu perintah yang dibuat oleh seorang Hakim Mahkamah itu dibuat oleh pihak yang terkilan dalam masa sepuluh hari dari penyampaian perintah itu. Ini akan memastikan bahawa tidak ada kelengahan dalam pembuatan permohonan sedemikian kerana kelengahan sedemikian akan menyebabkan kelengahan dalam pemberesan perkara itu di mahkamah.

6. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 96 Akta 91.

Rayuan daripada Mahkamah Tinggi dalam perjalanan bidang kuasa asalnya kepada Mahkamah Rayuan adalah automatik. Bagalmanapun, rayuan kepada Mahkamah Persekutuan daripada Mahkamah Rayuan hanya boleh dibuat dengan kebenaran Mahkamah Persekutuan. Sejak tahun 1886, prinsip yang digunakan oleh Mahkamah Inggeris dalam memberikan kebenaran ialah prinsip yang hendak dimasukkan ke dalam seksyen 96 melalui pindaan ini. Prinsip ini ialah prinsip yang baik yang telah diikuti oleh Mahkamah di Malaysia. Hujah yang panjang lebar akan dapat dielakkan dan pemberesan permohonan

bagi kebenaran untuk merayu akan dapat dipercepat sekiranya prinsip ini dimaktubkan dalam statut.

Ekoran pindaan ini, perlulah dinyatakan dengan jelas bahawa segala perintah yang dibuat oleh Mahkamah berkenaan dengan permohonan bagi kebenaran untuk merayu tidak boleh dibatalkan.

7. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 97 Akta 91 dengan memasukkan subseksyen baru (3).

Sesuatu permohonan bagi kebenaran untuk merayu daripada Mahkamah Rayuan kepada Mahkamah Persekutuan sekarang ini didengar oleh panel tiga orang Hakim Mahkamah Persekutuan. Ini merupakan pembaziran masa mahkamah itu. Sesuatu permohonan bagi kebenaran untuk merayu adalah dianggap perkara interlokutori. Jika sesuatu permohonan bagi kebenaran untuk merayu boleh didengar oleh seorang Hakim, tiga permohonan sedemikian dapat didengar oleh tiga orang Hakim yang bersidang serentak tetapi secara berasingan dan dengan yang demikian dapat mempercepat pemberesan permohonan itu. Sesiapa yang tidak berpuas hati dengan perintah yang dibuat oleh seorang Hakim boleh memohon untuk didengar oleh panel penuh tiga orang Hakim.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN.(U²)2083.]